

30 Mei, 1981

## *Dr. M rasmi kursus politik Pemuda UMNO 12 Jun*

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tinjauan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan Kursus Politik Peringkat Kebangsaan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, di Stadium Datuk Syed Omar, Alor Setar, Kedah, 12 dan 13 Jun ini.

Kursus tersebut merupakan kegiatan kemuncak Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan yang telah berjalan sejak November tahun lalu, kata Pengerusi Jawatankuasa Kursus Politik, Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Najib Tun Razak.

Ia bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai perjuangan UMNO masa lalu, sekarang dan akan datang.

Kursus itu juga, diharap

mendekatkan ahli-ahli dengan isu-isu dan hal ehwal semasa di bidang politik, ekonomi, agama dan pelajaran.

Melalui kursus tersebut, kata Datuk Najib, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia berhasrat melahirkan ahli-ahli yang benar-benar menjadi orang perjuangan yang berdisiplin dan berilmu.

Lima kertas kerja akan dibentangkan iaitu Cabaran Umat Islam Semasa oleh Datuk Sheikh Abdul Mohsein Haji Salleh, UMNO-Sejarah dan Falsafah Perjuangan, Datuk Abdul Samad Idris, Ekonomi Orang Melayu Menjelang 1990, Dr. Abdul Halim Ismail, Masa Depan Orang Melayu, Tan Sri Ainuddin Wahid dan Perjuangan UMNO Hari Ini dan Masa Depan oleh Datuk Mohamad Najib Tun Abdul Razak.